



**PROFESOR EMERITUS
DATUK DR NIK SAFIAH KARIM**

Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Kuntum Budi Sumbangsih merupakan *estschrift* untuk Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim. *Festschrift* yang mengandungi 21 makalah di dalamnya merupakan sumbangan kasih teman-teman seperjuangan dan bekas anak-anak didiknya. Justeru kesemua makalah yang terkumpul ini mencakupi pelbagai bidang dan topik perbincangan. Sehubungan itu, penerbitan *festschrift* ini juga secara langsungnya memperihatkan keluasan bidang ilmu yang telah diterokai oleh penyumbang-penyumbang makalah *festschrift* ini.

Keanekaan bidang dan topik yang terkandung di dalamnya secara langsung telah mencapai minda pembacanya dengan pelbagai analisis yang terdapat dalam perbincangan yang dikemukakan.

Kuntum Budi Sumbangsih merupakan apresiasi Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya atas segala sumbangan jasa Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim kepada Universiti Malaya amnya, dan Akademi Pengajian Melayu khususnya. Penerbitan khas seperti ini sememangnya menjadi tradisi kesajanaan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Kuntum Budi Sumbangsih

Kumpulan Makalah Untuk
Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim

Editor
Indirawati Zahid



ISBN 978-967-5348-08-6



9 789675 148088

KUNTUM BUDI SUMBANGSIH

**KUMPULAN MAKALAH UNTUK
PROFESOR EMERITUS DATUK DR. NIK SAFIAH KARIM**

Editor

Indirawati Zahid

Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
2008

Cetakan Pertama, 2008
© Hakcipta Akademi Pengajian Melayu

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kuntum budi sunbangsih : kumpulan makalah untuk Profesor Emeritus
Datuk Dr. Nik Safiah Karim / editor Indirawati Zahid.

- ISBN 978-967-5148-08-8
1. Malay language – History and criticism. 2. Malay language: Usage.
3. Malay essays. I. Indirawati Zahid.
499.2309

Diterbitkan oleh:
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Editor:
Indirawati Zahid

Penyelenggara dan Susun Atur:
Nor Hidayah Mustapha Kamal

Peraka Grafik:
Nor Hidayah Mustapha Kamal

Dicetak oleh:
City Reprographic Services
No. 2, Jalan Vivekananda
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-2274 2276. Fax: 03-2272 5851
Email: cityrepro@yahoo.co.uk

KANDUNGAN

| | Halaman |
|--|---------|
| Secantik Kata Seindah Bicara | viii |
| Kata Pengantar | x |
| KEMAHIRAN BERNILAI TAMBAH | 1 |
| <i>Abdul Hamid Mahmood</i> | |
| MEMBINA KEPUSTAKAAN MELAYU MELALUI TERJEMAHAN | 23 |
| <i>Abdullah Hassan</i> | |
| MENELITI JEJAK DAN MEMBAHARUI BABAK PEMERKASAAN BAHASA MELAYU DI MALAYSIA: DIRGAHAYU 50 TAHUN MERDEKA | 48 |
| <i>Awang Sarfyan</i> | |
| KEMAJUAN BANGSA MALAYSIA MELALUI PEMBUDAYAAN ILMU, SAINS DAN TEKNOLOGI DENGAN PENGANTAR BAHASA MELAYU | 63 |
| <i>Hashim Hj. Musa</i> | |
| MAKLUMAT TATABAHASA DALAM KAMUS: SUATU ANALISIS BERDASARKAN TATABAHASA DEWAN | 87 |
| <i>Ibrahim Haji Ahmad</i> | |
| DAN DALAM WACANA: ANALISIS NAHU FUNGSIONAL | 97 |
| <i>Idris Aman</i> | |
| BAHASA DAN KESANTUNAN MELAYU | 107 |
| <i>Indirawati Zahid</i> | |
| BERBERAPA ASPEK DASAR PERANCANGAN BAHASA OLEH PEMERINTAHAN MILITARI JEPUN DI MALAYSIA | 121 |
| <i>Kyoko Funada</i> | |

| | |
|---|-----|
| POLA ADJEKTIF DALAM LAKUAN BAHASA PUJIAN BAHASA MELAYU <i>Maryna Maros</i> | 143 |
| PENYIMPANGAN BAHASA DALAM PUISI MELAYU: ANALISIS STILISTIK <i>Mohammad Fadzeli Jaqfar</i> | 159 |
| BAHASA: KAITANNYA DENGAN BUDAYA DAN DAYA KREASI BANGSA <i>Muhammad Saiful Haq Hussin</i> | 170 |
| PASARAN SEBAGAI ANCAMAN PADA BAHASA DAN BUDAYA KEBANGSAAN: SATU KAJIAN SOSIOBUDAYA <i>Nor Hashimah Jalaluddin</i> | 190 |
| BAHASA DAN GENDER: EKSPLORASI DARIPADA LENSE FEMINIS <i>Norhayati Ab. Rahman</i> | 210 |
| KATA SIFAT: KRITERIA PENGGOLONGAN <i>Norliza Hj. Jamaluddin</i> | 217 |
| EVOLUSI VOKAL PURBA DALAM SISTEM FONEMIK BAHASA INDONESIA/MELAYU BAKU <i>Paitoon M. Chaiyanara</i> | 230 |
| INTEREKSTUALITI DALAM UCAPAN PEMIMPIN MELAYU: SUATU KUPASAN KRITIS <i>Rohaidah Haron</i> | 243 |
| PENGUNGKAPAN IDENTITI DAN LAKUAN BAHASA DALAM KALANG MPAT SAMA <i>Saidatul Norris Hj. Mahali</i> | 257 |
| MULTICULTURALISM DAN SISTEM PENDIDIKAN: PERSPEKTIF DAN AMALAN DI MALAYSIA <i>Samsudin Suhaili</i> | 275 |
| PENANDA WACANA DALAM PELBAGAI GENRE <i>Sanai Md. Nasir</i> | 289 |

| | |
|--|-----|
| KURIKULUM PENDIDIKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA DAN ASING: PENGIMBANGAN ANTARA PENGETAHUAN SISTEM DAN SOSIOLINGUISTIK <i>Teo Kok Seong</i> | 307 |
| PENYUKUAN VOKAL TINGGI BAHASA MELAYU: DARIPADA DERIVASI RUMUS KEPADA TATATINGKAT KEKANGAN <i>Zaharani Ahmad</i> | 319 |

SECANTIK KATA SEINDAH BICARA

Kuntum Budi Sumbangsih, itulah judul *festschrift* yang dipilih untuk terbitan khas Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya untuk Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Haji Karim.

Seindah judulnya, penamaanya menserasikan antara proses awal pembentukan sekuntum bunga yang kemudiannya mekar harum dan mewangi dimeforakan dengan jasa yang digambarkan dengan budi yang ditabur dan sumbangan kasih penulis-penulis makalah untuk penerbitan *festschrift* ini. Ditahamkan pemilihan judul ini bertanggung agak lama juga kerana pemilihan dilakukan dengan bertanyakan banyak pandangan dari teman sepejuangan dan bekas anak didik beliau dengan satu harapan, iaitu judul ini akan mencerminkan diri, ketokohan dan rasa penghargaan yang tinggi penulis-penulis makalah untuk *festschrift* ini. Secocok judul yang diberi, *festschrift* ini juga dinamakan sedemikian rupa bagi memaparkan keperibadian beliau sebagai tokoh wanita yang cemerlang dalam dunia akademik dan bukan akademik yang telah diceburinya baik semasa masih menjadi tenaga akademik mahupun selepas beliau meninggalkan dunia akademik.

Ketokohan dan kecemerlangan beliau dalam pelbagai bidang telah menjadi kebanggaan semua yang mengenali beliau. Dan kecemerlangan ini telah menyaksikan beliau dianugerahkan dengan pelbagai anugerah wanita dan pejuang bahasa. Justeru, dalam usaha menghargai serta mengapresiasi kecemerlangan ini *Kuntum Budi Sumbangsih* yang merupakan kumpulan makalah sumbangan kasih penulis-penulis yang juga merupakan teman sepejuangan dan bekas anak-anak didiknya diterbitkan.

Mengimbau sejarah pendidikan beliau, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Haji Karim merintis jalan yang cemerlang sejak awal usianya di kampung halamannya di Kota Bharu, Kelantan, sebelum beliau meneruskan langkah ke Malay Girls College (Kolej Tunku Khursiah, Seremban) dan seterusnya ke St. Francis Institution, Melaka. Dan perjalanan pendidikan akademik ini tidak selesai di sini, sebaliknya terus membawa beliau pergi jauh meninggalkan kampung halaman untuk ke Universiti Malaya, Kuala Lumpur Ohio, Amerika untuk ijazah Sarjana Muda dan Sarjana sementara ke Universiti yang diperoleh seluas itulah juga pengalaman yang dimiliki oleh beliau sehingga kesemua ini digunakan untuk kecemerlangan *alma mater* dan negara yang tercinta.

Seperti cemerlangnya pencapaian akademik beliau, begitulah juga setiap kerjanya dan tugas yang diamanahkan sama ada sebagai penyarah sekali gus pentadbir (Ketua Jabatan, Timbalan Dekan, Dekan, Timbalan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Presiden Persatuan Linguistik Malaysia – sekarang menyenaraikan yang utama) benar-benar menguji kemampuan beliau dalam segala urusan. Kepercayaan dan keyakinan yang diberikan kepada beliau oleh pihak atasan dan bawahan ini tidak keterlaluan jika dikatakan telah menjadi resipi untuk meletakkan diri beliau sebagai tokoh yang disegani oleh khalayak akademik dan bukan akademik atas kemampuan dan kejayaan beliau sehingga hari ini. Dan siri kemuncak kepada rekod kecemerlangan ini ialah dengan penganugerahan bintang Johan Panglima Negara (JPN) yang membawa gelar Datuk pada tahun 1997 dan dua ijazah kehormat pada tahun yang sama oleh dua universiti yang berbeza, iaitu Profesor Emeritus dari *alma mater*nya, Universiti Malaya dan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Kebangsaan pada tahun 2002. Rekod kecemerlangan ini secara langsungnya telah mencerminkan keperibadian beliau yang senantiasa menggalas tanggung jawab yang diberikan dengan jiwa yang senantiasa bersedia dan mencintai setiap tanggung jawab yang diserahkan.

Sehubungan dengan itu, seandainya segala tugas serta anugerah dan penghormatan yang diterima oleh tokoh ini ingin disenaraikan, pasti *Secantik Kata Seindah Bicara* ini tidak akan ditamatkan lagi kerana panjangnya *curriculum vitae* tokoh ini seperti tidak akan selesainya *Kisah Seribu Satu Malam*.

Begitulah ketokohan Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Haji Karim yang menjadi kebanggaan Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan negara sehingga seandainya timbul persoalan bahasa/linguistik dan gender – wanita, maka nama ini tidak pernah tercicir untuk dirujuk pendapat dan pandangannya. Bagi saya dan warga Akademi Pengajian Melayu, pencapaian beliau telah lama menjadi penanda aras kecemerlangan kami semua.

Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Haji Karim, terima kasih kerana mengharumkan nama Akademi Pengajian Melayu di persada negara.

Prof. Madya Datuk Zainal Abidin Borhan
Pengarah
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Julai 2008